

Umno benteng orang Melayu

BH 12 MAY 1989

JOHOR BAHRU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa politik orang Melayu masa kini bukan untuk mendapat tempat bagi diri sesiapa, tetapi untuk mempertahankan kedudukan orang Melayu yang masih lemah.

"Selagi pencapaian orang Melayu belum sampai ke tahap yang boleh menjamin kejayaan masa depan mereka, selagi itulah orang Melayu harus menentukan kemenangan mereka dalam bidang politik," kata Presiden Umno itu ketika menyampaikan amanat di perhimpunan sambutan hari kelahiran Umno di perkarangan Istana Besar di sini.

Menurut Perdana Menteri, perjuangan orang Melayu masih belum tamat kerana mereka belum mencapai tahap pembangunan yang boleh membantu mereka bersaing dalam masyarakat majmuk Malaysia dengan jayanya, seterusnya dengan bangsa-bangsa maju di dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata orang Melayu masih memerlukan kuasa politik dan pengaruh yang kuat dalam kerajaan.

"Insya-Allah dengan diberi perlindungan dan peluang, mereka akan mencapai tahap kebolehan yang dapat menjamin kejayaan mereka. Tetapi sebelum itu mereka perlu perlindungan kuasa politik dan kerajaan," tegasnya.

Beliau berkata, dengan adanya Umno, orang Melayu dapat mempertahankan kedudukan mereka sementara meningkatkan kebolehan untuk bersaing dalam dunia yang penuh cabaran.

"Umno bukan alat sesiapa untuk mendapat jawatan tinggi, tetapi Umno adalah alat perjuangan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata, jika benar ada orang yang mempunyai semangat 46 di luar Umno, mereka harus menyertai parti itu.

"Hanya dengan bersatu dengan pihak majoriti saja, barulah perpaduan boleh dicapai. Apabila minoriti menentang majoriti, pecah-belah namanya."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tidak sesiapa dapat mena-

Laporan IBRAHIM YAHAYA, KARIM SULAIMAN, ZAMZAM OMAR, SAODAH ELIAS, NOR HASILAH ISMAIL dan MOHAMED NOOR HASHIM.

fikan bahawa Umno yang ada sekarang mendapat sokongan majoriti orang Melayu dengan bilangan ahlinya sudah sama dengan keanggotaan Umno dahulu, walaupun bilangan ahli dahulu tidak tepat dan diragukan.

Beliau menegaskan, mereka yang percaya dan inginkan perpaduan tidak boleh menolak Umno kerana tanpa Umno perpaduan tidak bermakna.

"Apakah dengan disatukan kumpulan-kumpulan serpihan dan minoriti orang Melayu dan menentang majoriti orang Melayu, maka perpaduan tercapai? Mereka yang inginkan perpaduan mestilah bersatu dengan pihak majoriti," katanya.

Presiden Umno berkata, perpaduan tidak bermakna jika masing-masing mempunyai tujuan yang berlainan dan masing-masing ingin memperalatkan yang lain.

Menurutnya, jika perpaduan hendak dicapai, semua pihak mestilah menyetujui akan asas dan dasar yang sama.

"Jika tidak, maka yang dilakukan bukanlah perpaduan, tetapi satu pakatan saja," katanya dengan menambah bahawa pintu Umno masih terbuka.

Dalam ucapan kira-kira 40 minit itu, Datuk Seri Dr Mahathir menyingkap kembali sejarah penubuhan dan perjuangan Umno serta peralihan pucuk pimpinan parti dan negara yang berjalan dengan baik dan lancar.

Beliau juga menegaskan hakikat bahawa Umno sudah berjaya menjadikan orang Melayu satu bangsa yang cukup canggih dalam bidang politik, sehingga hari ini setiap orang Melayu, bahkan setiap rakyat Malaysia, secara langsung atau tidak langsung, mendapat nikmat daripadanya.

● LIHAT MUKA 2 RUANG 3

Semangat, tradisi dan adat terungkuai

BH 12 MAY 1989

DARI MUKA 1

Bagaimanapun, katanya, semangat, tradisi dan adat yang menjadi sebahagian daripada sifat-sifat Umno sejak penubuhannya pada 11 Mei 1946 berikutan pertemuannya orang Melayu dan pertubuhan-pertubuhan mereka di suatu kongres pada 1 Mac tahun itu, terungkuai pada 1984.

"Pada 1984, Timbalan Presiden Umno yang dipilih pada 1981 dicabar. Segala nasihat supaya tidak melanggar tradisi dan adat Umno dan orang Melayu tidak dihiraukan. Semangat Umno sudah luput dalam hati pencabar.

"Tidak hairanlah kejadian-kejadian yang menyusuli usaha tokoh ini merebut jawatan Timbalan Presiden. Yang mendorongnya bukanlah semangat Umno, tetapi kepeningangan diri yang mendesar supaya apa saja dilakukan, termasuklah membinasakan Umno," katanya.

Beliau berkata, tokoh itu kemudian cuba merebut jawatan Presiden Umno pada 1987 dengan mengada-adakan pelbagai alasan yang tujuan utamanya hendak menjadi Perdana Menteri.

"Hasil tekanan cita-cita besar ini ialah pada 4 Februari 1988, Umno diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram. Umno yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu pada tahun 1946, Umno yang dimiliki oleh berjuta orang Melayu, Umno yang menjadi benteng kepada orang Melayu dan negara, Umno ini diharamkan kerana diseret di mahkamah oleh orang yang ingin mendapat jawatan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal pelbagai jentera Umno untuk menyelesaikan masalah tanpa campur tangan orang luar diketepikan dan kuasa parti diserahkan kepada mahkamah.

"Inikah tindakan orang yang bersemangat Umno? Inikah semangat Umno pada tahun 1946 yang kononnya orang ingin pertahankan?" soalnya.